


JABATAN TENAGA KERJA SABAH
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA


LAPORAN TAHUNAN 2016





ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN	1
PROFIL KORPORAT	2 - 6
IMBASAN 2015	7- 14
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN MAKLUMAT	15 - 24
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN	25 - 28
BAHAGIAN STANDARD-STANDARD PERBURUHAN	29 - 35
BAHAGIAN PENGGAJIAN PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN	36 - 44
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN DAN PENDIDIKAN PERBURUHAN.....	45 - 56
TADBIR URUS	57 - 68
KELAB KEBAJIKAN & SOSIAL JTK SABAH (KESERU)	69 - 73
KERATAN AKHBAR SEPANJANG TAHUN 2016	74 - 75
HUBUNGI KAMI	76
SIDANG REDAKSI	77





PERUTUSAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT, Salam Transformasi,
Salam 1Malaysia: “Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi”

Syukur kita kehadiran Allah SWT kerana atas keizinan dan rahmatNya jua, Laporan Tahunan 2016 ini dapat diterbitkan. Penerbitan naskhah tahunan ini merakamkan perjalanan aktiviti-aktiviti jabatan sepanjang tahun 2016.

Tahun 2016 dan tahun-tahun berikutnya, merupakan tahun yang penuh dengan cabaran kepada kita semua terutamanya warga kerja Jabatan Tenaga Kerja Sabah. Keadaan ekonomi yang tidak menentu dan andaian sesetengah pihak mengenai pengurangan jumlah tenaga kerja di tempat kerja perlu diambil perhatian dan tindakan yang lebih serius. Tumpuan utama kita adalah PENGUATKUASAAN dan PENEMPATAN.

Jabatan perlu memastikan setiap majikan mematuhi peruntukan perundangan bagi memastikan kebajikan pekerja sentiasa terpelihara. Kita juga perlu memastikan para pencari kerja mendapat pekerjaan yang sewajarnya. Pekerja perlu dibayar upah sekurang-kurangnya mengikut kadar gaji minima. Majikan amat digalakkan membayar upah yang lebih bagi pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tertentu.

Syabas dan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Tenaga Kerja Sabah yang telah sama-sama bergabung tenaga dan bertungkus lumus dalam merealisasikan objektif jabatan 2016 dan telah meletakkan ke tahap yang membanggakan dalam sejarah JTK Sabah. Semoga 2017 akan menjadi lebih baik dan gemilang.

Sekali lagi, syabas dan tahniah juga kepada Sidang Redaksi dan warga jabatan yang terlibat di dalam penerbitan Laporan Tahunan untuk tahun ketiga. Jabatan ini akan terus memberikan sumbangan ke arah Transformasi Nasional 2050 (TN50)

KAMAL BIN PARDI
Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Sabah



PROFIL KORPORAT

VISI

Penggerak Utama di Dalam
Menjana Pengurusan Sumber
Manusia Yang Cemerlang
di Sektor Swasta

MISI

Membangun Masyarakat Industri
Yang Produktif, Bermaklumat,
Berdisiplin, Penyayang Serta
Responsif Kepada Perubahan-
Perubahan Persekitaran Dalam
Suasana Perburuhan

OBJEKTIF

- Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri
- Mengutama dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi
- Mewujudkan tenaga kerja dan majikan yang berpengetahuan dalam hal perburuhan dan undang-undang buruh demi membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Sabah komited untuk melindungi kepentingan dan kebajikan masyarakat industri serta mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara dan melaksanakan penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan.

PIAGAM PELANGGAN

JTKS berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi keperluan pelanggannya. Ini akan dilaksanakan berasaskan janji seperti berikut :-

PENGENDALIAN KES ADUAN BURUH

Menyiasat dan menyelesaikan setiap kes aduan buruh dalam tempoh 21 hari

PERMOHONAN PERMIT

Memproses dan menyelesaikan permohonan permit dalam tempoh 45 hari

PENGENDALIAN KES BURUH

Menyiasat dan menyelesaikan setiap kes tuntutan dalam tempoh 45 hari

PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PEKERJAAN

Membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan dan majikan mendapat tenaga kerja

PENGENDALIAN KES PAMPASAN PEKERJA

- a) Kes Hilang Upaya Sementara
- b) Kes Hilang Upaya Kekal
- c) Kes Maut

Mengeluarkan taksiran dalam tempoh 5 Hari

PENGENDALIAN PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGGAJI PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

Memproses dan mengeluarkan Lesen untuk Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin dalam tempoh tiga (3) hari

ADUAN AWAM

Maklumbalas terhadap aduan dalam tempoh 3 hari dan mengemukakan laporan lengkap dalam tempoh 14 hari

KHIDMAT NASIHAT

Memberi perkhidmatan dengan cepat, tepat, mesra dan prihatin

PENDAKWAAN

Mendaftar di mahkamah dalam tempoh 30 hari

LESEN AGENSI PEKERJAAN SWASTA

Memproses permohonan dalam tempoh 30 hari

***Ringkasan Dari Piagam Pelanggan*

UNDANG-UNDANG YANG DITADBIR DAN DIKUATKUASAKAN

01 Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)

02 Akta Pampasan Pekerja 1952

03 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

04 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011


05 Akta Maklumat Pekerjaan 1953 (Disemak 1975)

06 Akta Umur Persaraan Minimum 2012

07 Akta Anti Pamerdagangan dan Anti Penyeludupan Migran 2007

08 Akta Sekatan Kerja 1968

CARTA ORGANISASI



PENGURUSAN TERTINGGI



ENCIK MUHAMAD FAUZI BIN ABD. GHANI
TIMBALAN PENGARAH (S54)

ENCIK KAMAL BIN PARDI
PENGARAH (JUSA C)



PUAN ASLIYANLDIA BINTI ASNEH
PEGAWAI UNDANG-UNDANG (L44)



ENCIK OTHMAN BIN ABDULLAH
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN (S48)



ENCIK WALTER RAYMOND
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PENYELIDIKAN
DAN MAKLUMAT (S48)



ENCIK BASRI BIN JALIE
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN
& PENDIDIKAN PERBURUHAN (S48)



ENCIK ISMAIL BIN HARUN
PENOLONG KANAN PENGARAH
BAHAGIAN PENGGAJIAN PEKERJA
BUKAN PEMASTAUTIN (S44)



PUAN ROBIAH BINTI OMAR BAKI
PENOLONG KANAN PENGARAH
BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN (S44)



ENCIK MOHD. ZULHILMI BIN AZIZAN
PENOLONG KANAN PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
DAN KEWANGAN (S44)



↑IMBASAN 2016

WAWANCARA RADIO JABATAN TENAGA KERJA SABAH

Pada tahun 2016, Jabatan Tenaga Kerja Sabah berjaya melaksanakan wawancara radio secara langsung di Radio Sabah.FM sebanyak 6 kali dengan pelbagai topik yang dibincangkan untuk memberi informasi kepada masyarakat. Topik-topik wawancara radio itu adalah mengenai Pengenalan kepada Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Pelaksanaan Gaji Minimum 2016, Hari Pekerja 2016, Penguatkuasaan Undang-undang Buruh, Program Kembara Kerjaya Sabah dan Pengambilan pekerja bukan pemastautin serta keperluan untuk menginsurankan pekerja asing.





KUNJUNGAN HORMAT JABATAN TENAGA KERJA SABAH

Kunjungan Hormat oleh pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah pada 5.2.2016 di Pejabat YB Datuk Siringan Gubat Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Negeri Sabah. Antara topik yang dibincang semasa kunjungan hormat tersebut adalah mempertingkatkan kerjasama di antara Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat mengenai usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran di Sabah dengan mempertingkatkan karnival- karnival



kerjaya agar peluang-peluang pekerjaan dapat disalurkan maklumat kepada pencari kerja di seluruh negeri Sabah. Jabatan Tenaga Kerja Sabah akan mengadakan untuk menjayakan program tersebut. Peningkatan Gaji Minimum yang akan dikuatkuasa pada 1 Julai 2016 kepada RM920 turut dimaklumkan kepada Yb Datuk yang mana Gaji minimum ini melibatkan semua pekerja di sektor swasta samada pekerja tempatan dan juga pekerja Asing. Pada masa kunjungan tersebut, Pengarah JTK Sabah turut memaklumkan bahagian penguatkuasaan JTK telah memenangi Kes di bawah Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732) pada 4.2.2016 kerana kegagalan majikan membayar gaji minimum RM 800 kepada pekerjanya. Selain itu, isu-isu pekerja asing turut diselitkan dalam kunjungan hormat tersebut dengan membincangkan usaha-usaha untuk menarik minat pekerja

tempatan untuk bekerja di ladang-ladang yang mana pada masa kini pekerjaan tersebut didominasi oleh pekerja asing. Pada tahun 2016, Jabatan Tenaga Kerja akan melaksanakan sebanyak 16 program penempatan Pekerjaan (3P) dan akan turut bekerjasama dengan JPSM yang akan mengadakan ekspo pekerjaan untuk 30 daerah. Dengan Kunjungan hormat ini, pihak jabatan dan kementerian akan mengeratkan kerjasama yang termeterai untuk mengurangkan kadar pengangguran di Sabah dan membudayakan kebolehpasaran gunatenaga rakyat Sabah Program Kembara Kerjaya 2016 yang akan

berlangsung pada Mei 2016 di beberapa buah daerah dengan berkonsepkan Konvoi dan pihak kementerian akan turut bekerjasama.





KUNJUNGAN HORMAT OLEH KONSUL MUDA KONSULAT INDONESIA KEPADA PENGARAH JABATAN TENAGA KERJA SABAH

Pada 15 Februari 2016, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah Encik Kamal Pardi menerima kunjungan hormat daripada konsul muda consulate Indonesia Bapak Darmawan Tuah Purba. Beberapa isu telah dibangkitkan untuk perbincangan berhubung dengan penggajian pekerja Indonesia di negeri Sabah.



AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2016



Perjumpaan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia bersama Ketua-ketua Jabatan dan agensi dibawah Kementerian Sumber Manusia dan pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja Sabah pada 31 Julai 2016.



Pameran Jabatan Tenaga Kerja Sabah sempena sambutan Pesta Keamatan
Pejabat Negeri Sabah di Daerah Keningau.



SEKITAR 2016

AKTIVITI PEJABAT TENAGA KERJA



Operasi Penguatkuasaan Di Sekitar Kota Kinabalu Bersama Pegawai Tenaga Kerja, Pejabat Tenaga Kerja Kota Kinabalu, Beaufort, Sipitang Dan Pasukan Khas Penguatkuasaan JTK Sabah.



Operasi Penguatkuasaan Di Daerah Kota Belud Bersama Pegawai Tenaga Kerja, Pejabat Tenaga Kerja Kota Belud Dan Pasukan Khas Penguatkuasaan JTK Sabah.



Bengkel Penyelarasan Pindaan Akta Kerja, Ordinan Buruh Sabah Dan Ordinan Buruh Sarawak Dengan Kerjasama Bahagian Dasar Perburuhan Kementerian Sumber Manusia.



FORUM “SOFTSKILL ATAU CGPA” DALAM MENGHARUNGI ALAM PEKERJAAN KEPADA PELAJAR TAHUN AKHIR UMS



PROGRAM BERKELOMPOK DAN KERJASAMA DENGAN NGO - AZAM SABAH



**AKTIVITI
PENYELIDIKAN
DAN MAKLUMAT**

NAZIRAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

ZON TIMUR DAN ZON BARAT SABAH

MAC & APRIL 2016

Pemantauan merupakan mekanisme penting untuk memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) mematuhi standard yang telah digariskan di dalam Manual Kualiti (MK) dan Prosedur Kualiti (PK) dalam skop MS ISO 9001:2008. Ia juga untuk memastikan SPK yang dilaksanakan berkesan di samping melaksanakan tindakan pembetulan dan penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti di dalam pengurusan kualiti Jabatan.

Naziran aktiviti utama jabatan telah dijalankan mengikut 2 peringkat zon iaitu Zon Timur bermula pada 7-14 Mac 2016 dan Zon Barat pula adalah pada 5-11 April 2016. Semua PTK di bawah Jabatan Tenaga Kerja Sabah terlibat dalam proses naziran sebagaimana yang dijadualkan.

Pemantauan berterusan dari Ibu Pejabat dapat membantu pengurusan dan wargakerja JTKS agar dapat melaksanakan tugas secara lebih efektif dengan membuat penilaian dan cadangan penambahbaikan, tindakan pembetulan dan pencegahan berkaitan aktiviti- aktiviti yang dijalankan.

OBJEKTIF

- Memastikan pelaporan manual yang dihantar adalah selari dengan data dalam sistem LMD supaya data yang dijana dapat diyakini.
- Memastikan aktiviti-aktiviti yang dibuat adalah mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan;
- Memantau, menyemak, mengesan dan membuat teguran secara langsung dan mengadakan kelas adhoc atas penemuan kesalahan.



Wakil Bahagian Ibu Pejabat Dalam Sesi Pembentangan Hasil Penemuan Ke Atas Naziran yang dijalankan di PTK Keningau.

RETREAT JABATAN TENAGA KERJA SABAH

MOUNT KINABALU & HERITAGE RESORT KUNDASANG, SABAH

9-11 NOVEMBER 2016



Retreat Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah diadakan pada 9-11 November 2016 di Mount Kinabalu & Heritage Resort, Kundasang, Sabah dengan dihadiri seramai 36 orang Pegawai Kanan Jabatan dari seluruh Sabah. Retreat kali ini memfokuskan kepada penambahbaikan ke atas mutu kerja dan pencapaian sasaran kerja tahunan berdasarkan pencapaian setengah tahun Jabatan. Sesi percambahan idea dan bertukar-tukar pendapat telah diadakan dalam usaha mencari penyelesaian dan memantapkan pelaksanaan aktiviti utama jabatan mengikut prosedur kerja yang digariskan dalam MS ISO 9001:2008.

Some people choose to lead, the others follow. The success is not merely the condition of things, natural talent, or even intellect, it is an option.


David J. Schwartz



BENGKEL KEPENGGUNAAN LMD 2.0

IBU PEJABAT, PTK TAWAU & PTK SANDAKAN

22-25 OGOS 2016



Barisan Penceramah Dan Peserta Zon B Di Ptk Tawau

LATIHAN KEPENGGUNAAN LMD 2.0 ~ DATA CLEANSING

Sistem dan aplikasi LMD adalah pusat pengumpulan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh JTK Sabah. Bagi memastikan sistem ini berfungsi secara sistematik, Jabatan sentiasa mengenalpasti keperluan elemen-elemen baru bagi aktiviti yang dilaksanakan menerusi penambahbaikan di dalam pangkalan data. Pelaporan bagi setiap aktiviti yang berkaitan dengan tindakan berterusan seperti memantau, menyemak dan menilai ketepatan maklumat aktiviti-aktiviti Jabatan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kebolehpercayaan data dalam pelaporan adalah tepat dan diyakini sebelum penyebaran maklumat perburuhan dibuat. Satu bengkel latihan kepenggunaan LMD 2.0 untuk Data Cleansing telah dijalankan mengikut zon seperti berikut :

OBJEKTIF

i.

Memastikan Pegawai dan kakitangan memahami kepentingan menyediakan dan memasukkan data yang lengkap dan betul dalam sistem.

ii.

Memastikan proses pemantauan melalui janaan LMD dapat dibuat dengan lebih berkesan.

iii.

Mengenalpasti permasalahan yang sering timbul berhubung kekecelaruan data dalam sistem.

Zon	Tarikh	Tempat
A (Kota Kinabalu, Kudat, Kota Belud, Kota Marudu, Beaufort, Sipitang, Tenom dan Keningau)	22 Ogos 2016	Ibu Pejabat, JTK Sabah
B (Tawau, Lahad Datu dan Kunak)	23 Ogos 2016	PTK Tawau
C (Sandakan, Semporna, Kunak, Kinabatangan)	25 Ogos 2016	Ptk Sandakan

PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN TENAGA KERJA SABAH 2016

GRAND BORNEO HOTEL, KOTA KINABALU

25-27 JANUARI 2016



RESOLUSI PERSIDANGAN

- i. Mengambil maklum dan melaksanakan tindakan sebagaimana digariskan dalam amanat Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah yang telah menyenaraikan saranan, hasrat dan harapan beliau mengenai perkara-perkara berhubung aktiviti yang melindungi kebajikan dan hak pekerja; aktiviti khidmat nasihat dan teknikal; aktiviti promosi; dan aktiviti tadbir urus.
- ii. Aplikasi dan sistem Labour Market Database (LMD) diperakui sebagai aspek penting dalam pengumpulan maklumat berkaitan aktiviti jabatan;
- iii. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dalam meningkatkan pematuhan undang-undang perburuhan di kalangan majikan disamping dalam menegakkan keadilan, memelihara hak dan kebajikan pekerja serta mengiktiraf peranan dan sumbangan Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP)
- iv. Meningkatkan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran melalui latihan yang berterusan dalam menghadapi cabaran-cabaran perburuhan;
- v. Memperakui kepentingan penambahbaikan dalam pengendalian urusan pampasan pekerja dan pengurusan permohonan pengambilan pekerja asing;
- vi. Memperakui keperluan memantapkan perkhidmatan pekerjaan melalui pemodenan sistem aplikasi atas talian portal dan pembangunan institusinya ke arah menjadi pusat pekerjaan dan kebolehpkerjaan (centre of employment and employability)
- vii. Memperakui keperluan pengurusan kewangan dan sumber manusia dengan cekap, berkesan dan mengikut keutamaan dalam mendukung untuk merealisasikan pencapaian objektif aktiviti-aktiviti JTKS.

Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah mengadakan Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan bagi tahun 2016 bertempat di Grand Borneo, Kota Kinabalu pada 25 hingga 27 Januari 2016 yang bertujuan mencadang, membahar, menetapkan dan mengesahkan Sasaran Kerja Tahunan Jabatan. Persidangan ini dihadiri oleh 50 orang pegawai kanan dan wakil cawangan bagi membincangkan pencapaian keseluruhan semua aktiviti bagi tahun 2015 disamping membuat penetapan untuk sasaran tahun 2016. Melalui persidangan ini satu sesi percambahan idea dan perbincangan dapat dibuat dalam mencari resolusi terbaik untuk mencapai visi dan misi jabatan. Penetapan kamus Business Plan adalah sebagai panduan dalam memastikan ketetapan yang digaris dalam MS ISO 9001:20018 adalah dipatuhi sebagaimana penetapan halatuju pencapaian aktiviti-aktiviti Jabatan Tenaga Kerja Sabah bagi tahun 2016.



*Barisan Jurulapor Persidangan
Pegawai Kanan Jabatan
Tenaga Kerja Sabah*

*"Accept the challenges so that you
can feel the exhilaration of victory"*

AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN MAKLUMAT

PERSIJILAN MS ISO 9001:2008

Penambahbaikan dilakukan dari masa kesemasa dalam usaha memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan melalui dokumen MS ISO 9001:2008. Dalam hal ini juga, pemakaian prosedur tersebut adalah meliputi keseluruhan Jabatan Tenaga Kerja Sabah.

AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2008



AUDIT PEMANTAUAN SIRIM




PENYATA GUNA TENAGA KEBANGSAAN

National Employmnet Return (NER)

Jabatan telah mengambil peranan bagi menjalankan kajiselidik Penyata Guna Tenaga Kebangsaan (NER) bagi tahun 2016 bersama-sama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) serta Jabatan Perhubungan Perusahaan bagi Negeri Sabah.

Kajiselidik yang ditadbiruruskan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) pada kebiasaannya dilaksanakan dengan kekerapan sekali dalam tempoh dua (2) tahun. NER dijalankan dalam kalangan firma dan majikan yang berdaftar di Malaysia. Selain memberikan suatu kefahaman terhadap pasaran buruh di Malaysia, NER merupakan petunjuk yang berguna untuk membangunkan dasar berkaitan dengan pembangunan sumber manusia.



TAKLIMAT KEPADA PEGAWAI BAGI NEGERI SABAH KAJI SELIDIK PENYATA GUNA TENAGA KEBANGSAAN NER 2016



ict UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

PEROLEHAN ASET ICT

Sepanjang tahun 2016, JTK telah menerima perolehan aset ICT untuk kegunaan warga kerja. Adalah diharapkan dengan adanya penambahan/penggantian komputer ini akan meningkatkan produktiviti kerja ke arah yang lebih efisien.

PROJEK	JUMLAH AGIHAN
REVAMP JOBSMALAYSIA	36 Komputer 15 Pencetak 1 Laptop
GF1MAS	50 Komputer
PINDAHAN ASET	10 Pencetak 4 Laptop



PELUPUSAN ASET ICT

Aktiviti pemeriksaan perakuan pelupusan aset ICT telah dijalankan di PTK Kota Kinabalu dan PTK Beaufort.

PTK YANG TERLIBAT	KOTA KINABALU	BEAUFORT
JUMLAH ASET YANG DICADANG LUPUS	24 unit komputer dan 7 unit pencetak	7 unit komputer, 1 unit pencetak, 6 UPS dan 1 regulator voltage



SISTEM APLIKASI

PENAMBAHBAIKAN: SISTEM PERMOHONAN LESEN MENGGAJI PEKERJA ASING (SLMPA)

Sistem SLMPA telah digunapakai sejak tahun 2012 lagi. Penambahbaikan yang telah dilaksanakan ialah pengubahsuaian antara muka dan penambahan skrip pengiraan untuk pemprosesan lesen dalam hari bekerja sahaja.



PERLUASAN PENGUNAAN SISTEM e-LATIHAN

e-Latihan dibangunkan adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada Unit Latihan mengenalpasti rekod latihan yang telah dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan di JTK Sabah. Melalui sistem ini, Janaan Laporan bagi kehadiran latihan/kursus yang kurang daripada 7 hari dapat dipantau pada bila-bila masa. Pegawai Latihan di setiap PTK telah dilantik bagi menyelia rekod kehadiran berkursus di pejabat masing-masing.



INOVASI

Jabatan Tenaga Kerja Sabah meneruskan komitmen dalam mencari idea dan menggunakan pendekatan-pendekatan berinovasi dalam melaksanakan program-program yang telah ditetapkan. Penyertaan jabatan dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Terbaik Kementerian Sumber Manusia 2016 dengan mengemukakan tajuk Program Kembara Kerjaya 2015 telah mendapat pengiktirafan 4 bintang.



Ahli Kumpulan :

Walter Raymond (Ketua) | Mohd Azzahari Kasim | Noraini Ithnin | Azalinah Wahit
Sarinah Samiun | Asriyah Abd Hafid | Hamidah Momong | Wilhelmina Janing





BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN telah melaksanakan setiap aktiviti khususnya Operasi Penguatkuasaan/Bersepadu, Pemeriksaan Berkanun termasuk Pemeriksaan Gaji Minimum, Kes Buruh, Permit dan Kursus agar berjalan dengan lebih teratur dan lancar. Seiring dengan arus globalisasi dan kehendak di bawah Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA), Bahagian Penguatkuasaan juga terlibat secara langsung dengan pindaan Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan 1990 bagi memastikan kebajikan dan hak pekerja adalah terpelihara.



KERTAS SIASATAN

Kertas siasatan dibuka bagi tujuan untuk mendapatkan izin mendakwa atau kompaun terhadap majikan yang tidak mematuhi undang-undang perburuhan. Langkah ini diambil bagi memastikan majikan mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada dan sebagai pengajaran kepada majikan serta memastikan pelanggaran tersebut tidak berlaku pada masa hadapan. Ketidakpatuhan undang-undang perburuhan ini dikenalpasti melalui aktiviti pemeriksaan berkanun, penyiasatan aduan, ketidakpatuhan perintah mahkamah buruh dan ketidakpatuhan undang-undang perburuhan yang lain.

JENIS KESALAHAN	SEKSYEN	KERTAS SIASATAN
Gagal beri notis dalam tempoh 10 hari kepada Pesuruhjaya pampasan	Seksyen 13(2) Akta Pampasan Pekerja 1952	5
Gagal Menginsurankan pekerja yang digajikan	Seksyen 26(1) Akta Pampasan Pekerja 1952)	2
Tidak Menyediakan syarat perkhidmatan	S.18(1)Ordinan Buruh(Sabah Bab 67)	110
Gagal Beri Cuti Rehat	S.104B Ordinan Buruh(Sabah Bab 67)	2
Menggaji kanak-kanak ditempat yang tidak dibenarkan	Seksyen 72(1) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)	2
Gagal lapor penggajian pekerja bukan pemastautin dlm tempoh 14 hari	S.118A(1) Ordinan Buruh(Sabah Bab 67)	1
Gagal menyediakan daftar pekerja	S.58(1) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)	5
Gagal Patuh Perintah Pengarah	S.7A Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)	16
Kelewatan bayaran upah pekerja	S.108(1) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)	2
Potongan gaji tanpa kebenaran Pengarah	S.113(4) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)	4
Gagal memberi sesalanan kontrak perkhidmatan kepada pekerja	KAEDAH-KAEDAH BURUH (SABAH) (KANDUNGAN KONTRAK) 2008	32
Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin Tanpa Lesen	S.118(1) Ordinan Buruh(Sabah Bab 67)	46
Tidak membayar Perintah Gaji Minimum 2016	S.43 Majlis Perundingan Gaji Negara	18
Potongan untuk denda	S.115 Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)	1
Permit menyimpan daftar pekerja	S.58(3) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)	1
Gagal membayar upah kerja lebih masa	S.104(1) OrdinN Buruh (Sabah Bab 67)	2
JUMLAH		249

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan

PEWUJUDAN UNIT PASUKAN KHAS PENGUATKUASAAN (PKP)

Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) telah ditubuhkan di bawah Bahagian Penguatkuasaan mulai 02 Januari 2016 yang bertujuan untuk memperkasakan lagi penguatkuasaan berkaitan undang-undang perburuhan di negeri Sabah. PKP telah mengadaptasikan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan agensi-agensi lain di bawah KSM seperti PERKESO, JKKP dan PSMB dengan menjalinkan kerjasama untuk melaksanakan operasi-operasi bersepadu di premis pekerjaan. Operasi yang dilakukan oleh PKP adalah operasi mengejut ke premis majikan yang telah dikenalpasti lebih awal oleh Ketua Pasukan.

Di samping itu Jabatan juga telah mengambil inisiatif berkolaborasi dengan agensi Penguatkuasaan dari pelbagai jabatan antaranya Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), RELA, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Agensi serta Jabatan Penguatkuasaan yang lain demi memastikan semua majikan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di negeri Sabah.

▪ LAWATAN 1 VISIT-POLICY MELIBATKAN AGENSI DI BAWAH KSM IAITU:



KOTA KINABALU

13

RANAU

1

OPERASI
PENGUATKUASAAN
MENGIKUT ZON

PASUKAN KHAS
PENGUATKUASAAN 31

KOTA KINABALU 44

SANDAKAN 58

TAWAU 91



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan

▪ STATISTIK PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN



PEMERIKSAAN
BERKANUN

AUDIT : 6,032
PEMBANGUNAN : 1,493
LADANG : 607

NOTIS DIKELUARKAN: 646

TUNTUTAN PEKERJA/
KES BURUH

TERIMA 1,321

SELESAI 1,257

PENGELUARAN
PERMIT

TERIMA 379

LULUS 379

PEMERIKSAAN
GAJI MINIMA

6,032

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan & Labour Market Database (LMD)



Bahagian Standard-Standard Perburuhan

Bahagian Standard-Standard Perburuhan berfungsi bagi memastikan siasatan pelbagai aduan yang diterima melibatkan pekerja tempatan dan pekerja asing disiasat dan dikendalikan dengan berkesan.

PENGENDALIAN KES ADUAN



PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM

SEMANJUNG MALAYSIA		SABAH, SARAWAK DAN LABUAN	
			
RM1,000		RM920	
PENALTI AKIBAT GAGAL MEMBAYAR GAJI MINIMUM		RM10,000	
Pemeriksaan Gaji Minima		6,032	
Kes Buruh Gaji Minima		Kes Terima	69
		Kes Selesai	66
		Jumlah Tuntutan	RM142,256.19
Aduan Buruh Gaji Minima		Kes Terima	88
		Kes Selesai	86

Sumber : Bahagian Standard-Standard Perburuhan & Labour Market Database (LMD)

PROGRAM INOVASI KHIDMAT AWAM (PIKA SABAH FM)

Program Inovasi Khidmat Awam bersama Jabatan Tenaga Kerja pada 20 Mei 2016. Topik yang disampaikan ialah Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2016 yang disampaikan oleh Puan Robiah Omar Baki, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Standard Standard Perburuhan.



SESI ROUND TABLE BERSAMA MAJIKAN SEKTOR PELADANGAN

24 Mei 2016: Sesi dialog bersama beberapa majikan sektor peladangan yang diadakan di Hotel Tabung Haji bagi mendapatkan maklum balas dari majikan tentang cadangan pelaksanaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 di Sabah. Sesi dialog ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Tenaga Kerja, Tuan Hj Muhamad Fauzi Bin Hj Abd Ghani.



SESI LIBAT URUS PERINTAH GAJI MINIMUM & BAB BURUH TPPA



3 JUN 2016- Sesi Libat Urus Bersepadu PGM 2016 dan TPPA telah diadakan di Dewan Utama, ILP Sandakan. Sesi taklimat dihadiri oleh seramai 286 orang yang terdiri dari majikan yang berada di Sandakan, Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu dan Kinabatangan.

Pada hari yang sama, turut diadakan sesi PGM 2016 oleh Majlis Perundingan Gaji Negara bersama Pegawai Pegawai Jabatan Tenaga Kerja Sabah di Dewan Serbaguna Jabatan Tenaga Kerja Sabah.



TAKLIMAT CADANGAN AKTA STANDARD STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 DAN PEMAKAIAN DI SELURUH MALAYSIA

14 JUN 2016: Kunjungan Hormat Kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (SKN) berhubung dengan Taklimat Cadangan Pindaan Akta Standard Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan pemakaian di seluruh Malaysia oleh Kementerian Sumber Manusia. Delagasi KSM telah diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KSM YBhg Dato' Mohd Sahar Bin Darusman.



SESI KONSULTASI PELUASAAN DAN PELAKSANAAN AKTA 446 DI NEGERI SABAH BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN AGENSI KERAJAAN

16 Jun 2016: Sesi Konsultasi Peluasan dan Pelaksanaan Akta 446 di Negeri Sabah bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkaitan. Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah, Tuan Haji Muhamad Fauzi bin Haji Abd Ghani. Sesi konsultasi bertujuan mendapatkan maklum balas dari pihak dan agensi berkaitan tentang cadangan pelaksanaan Akta Standard Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 di Sabah.



LAWATAN RASMI KE LADANG TERPILIH

24 Jun 2016 : Yang Berbahagia Encik Kamal Pardi , Pengarah Tenaga Kerja Sabah serta rombongan pegawai dari Pejabat Tenaga Kerja Tawau telah membuat lawatan rasmi ke Ladang Cenderamata, Sabah Softwood Berhad Tawau. Tujuan lawatan ke kawasan perumahan pekerja yang disediakan oleh majikan adalah bagi memastikan kemudahan yang disediakan adalah mengikut standard yang ditetapkan.



11 Ogos 2016: Lawatan rasmi Yang Berbahagia Encik Kamal Pardi, Pengarah Tenaga Kerja Sabah serta pegawai ke Tamaco Oil Mill Sdn Bhd di Lahad Datu telah berlangsung sepanjang 11-12 Ogos 2016. Sepanjang lawatan , YBhg Pengarah telah dibawa melawat operasi pemprosesan biji sawit di kilang dan melawat ke sekitar tempat pekerjaan.



LAWATAN KEHORMAT DARI US TRADE REPRESENTATIVE (USTR)

22 September 2016: Lawatan Kehormat dari US TRADE REPRESENTATIVE (USTR) dengan Jabatan Tenaga Kerja Sabah berkenaan dengan cadangan pindaan kepada Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) yang melibatkan isu-isu TPPA. Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Tenaga Kerja, Tuan Hj Muhamad Fauzi Bin Hj Abd Ghani.

Perbincangan ini juga dihadiri oleh Encik Kesavan a/l Karuppiyah, Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Dasar Perburuhan), KSM. Manakala pihak USTR diwakili oleh Madam Behnaz Kibria, Deputy Chief of Staff to US Trade Representative.



PERINTAH GAJI MINIMUM 2016

27 Okt 2016: Mesyuarat berkaitan pelaksanaan perintah gaji minimum terhadap kontraktor perkhidmatan di bawah seliaan agensi-agensi kerajaan di kementerian/jabatan/pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah negeri dan persekutuan di Daerah Tawau dalam pelaksanaan perintah gaji minimum 2016 yang di pengurusikan oleh Encik Suhaili Ismail, Ketua Pejabat Tenaga Kerja Tawau.



3 Nov 2016: Mesyuarat berkaitan pelaksanaan perintah gaji minimum terhadap kontraktor perkhidmatan di bawah seliaan agensi-agensi kerajaan di Kementerian/jabatan/pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah negeri dan persekutuan di Daerah Sandakan dalam pelaksanaan perintah gaji minimum 2016 yang di pengurusikan oleh Encik Petrus Gadin, Ketua Pejabat Tenaga Kerja Sandakan.



SKIM BANTUAN GALAKAN PERNIAGAAN ORANG KURANG UPAYA(SBGP- OKU)



CAR WASH

Nama Penerima: Chew Cheng Sin

Daerah: Beaufort

Jenis Perniagaan: Kedai Cuci Kereta

Jenis Kekacatan: Fizikal

Jumlah Bantuan: RM 6,918.00



BS FAMILY KARAOKE

Nama Penerima: Beseri Bin Awing

Daerah: Kota Kinabalu

Jenis Perniagaan: Penyewaan P.A. System
dan Alat Muzik


Jenis Kekacatan: Fizikal

Jumlah Bantuan: RM 12,750.00

**BAHAGIAN
PENGGAJIAN
PEKERJA BUKAN
PEMASTAUTIN**

BAHAGIAN PENGGAJIAN PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

Bahagian ini juga menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengajian pekerja asing iaitu sebagai ahli dalam Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pengendalian Permohonan Pekerja Asing di Sabah (One Stop Centre (OSC)), Mesyuarat Jawatan Kuasa Pegawai Dagang (JKPD), Mesyuarat Jawatan Kuasa Teknikal Pass Visa (JKTPV), Mesyuarat Working Permit Support Committee (WPSC) serta menjalankan lawatan naziran berkaitan pengajian pekerja bukan pemastautin ke premis-premis majikan.




Teras Utama Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin



LESEN MENGGAJI PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

Penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap aktiviti pengeluaran lesen adalah seperti;



STATISTIK PENGELUARAN LESEN MENGGAJI PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

20,048

**JUMLAH PERMOHONAN
YANG DITERIMA**

19,987

**LESEN YANG
TELAH DILULUSKAN**

PEMBANTU RUMAH

9,143

BURUH

10,844

Sumber : Sistem Lesen Menggaji Pekerja Asing (SLMPA)



Petugas kaunter Lesen Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin di semua Pejabat Tenaga Kerja sedang melayan orang awam yang datang untuk urusan permohonan / pembaharuan lesen.



STATISTIK PENGELUARAN LESEN PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN MENGIKUT INDUSTRI

BIL	INDUSTRI	BIL. LESEN DIKELUARKAN
1	PERHUTANAN/PEMBALAKAN	79
2	PERTANIAN	6,176
3	PERLOMBONGAN/KUARI	27
4	PERKILANGAN	512
5	LETRIK,GAS & AIR	13
6	PEMBINAAN	778
7	PEMBORONG,PERDAGANGAN RESTORAN & HOTEL	537
8	PENGANGKUTAN,STORAGE DAN PERHUBUNGAN	24
9	KEWANGAN, INSURANS, REAL DAN BUSINESS SERVICE	20
10	PERKHIDMATAN SOSIAL DAN PERSONAL	2,147
11	KEGIATAN YANG TIDAK DAPAT DITAKRIFKAN SEPENUHNYA	531
12	PEMBANTU RUMAH	9,143
JUMLAH		19,987

Sumber : Sistem Lesen Menggaji Pekerja Asing (SLMPA)



PAMPASAN PEKERJA ASING

Bertanggungjawab untuk memantau pengendalian kes pampasan pekerja asing dan pada tahun 2016. Kes pampasan telah berjaya diselesaikan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

AKTIVITI / TAHUN	BILANGAN KES DAN JUMLAH BAYARAN YANG TELAH DIBUAT						JUMLAH BAYARAN KESELURUHAN
	HUS		HUK		MAUT		
	BIL KES	JUM BAYARAN	BIL KES	JUM BAYARAN	BIL KES	JUM BAYARAN	
2016	118	98,483.03	59	343,501.04	43	1,077,077.00	1,519,061.00

Sumber : Labor Market Database (LMD)

DEPOSIT WANG AMANAH YANG TIDAK DITUNTUT

Bagi mengurangkan tanggungan kes-kes pampasan yang melebihi tempoh 6 tahun akibat daripada kesukaran mengesan waris, Jabatan telah mengambil inisiatif mengikut Arahan Perbendaharaan 126 (AP126) untuk mendepositkan sebanyak RM 396,131.40 ke akaun hasil dan jumlah terkumpul iaitu RM 1,045,166.40.



KAWALAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING

PUSAT KELULUSAN SETEMPAT PEKERJA ASING (ONE STOP CENTRE)

◆ JAWATANKUASA PANEL PENGENDALIAN PERMOHONAN PEKERJA ASING

Merupakan satu aktiviti temuduga permohonan kuota buruh asing oleh panel yang mewakili Kementerian/ agensi kawal selia keatas pemilik syarikat atau wakil sah yang memohon untuk menggaji buruh asing. Sebelum membuat permohonan, majikan perlu mendapatkan perakuan Jobs Clearing System (JCS) dari Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JobsMalaysia Centre) yang mengesahkan bahawa majikan telah menggunakan perkhidmatan JobsMalaysia terlebih dahulu untuk mendapatkan tenaga kerja tempatan. Aktiviti temuduga dijalankan seminggu sekali di Jabatan Imigresen Sabah. Terdapat tiga Pusat Kelulusan Setempat di Sabah iaitu di Pejabat Imigresen Kota Kinabalu, Pejabat Imigresen Sandakan dan Pejabat Imigresen Tawau.



Barisan Panel Penemuduga Pusat Kelulusan Setempat Pekerja Asing yang terdiri dari Kementerian dan agensi kawalselia.



Gambar aktiviti One Stop Centre. Para Panel Penemuduga sedang menemuduga pemilik atau wakil syarikat yang ingin menggaji buruh asing bagi tujuan kelulusan kuota.



STATISTIK KELULUSAN KUOTA PEKERJA ASING BERDASARKAN NEGARA SUMBER BAGI TAHUN 2016

WARGANEGARA SEKTOR	INDONESIA	FILIPINA	MYANMAR	NEPAL	JUMLAH
PEMBANTU RUMAH	6,496	1,224	0	0	7,721
PERTANIAN	21,869	3,550	0	30	23,172
PEMBUATAN	9,151	1,359	1	50	10,561
PEMBINAAN	4,673	1,981	0	23	6,677
PERLADANGAN	67,331	4,591	28	4	71,954
PERKHIDMATAN	2,904	954	0	0	3,858
JUMLAH	112,424	13,659	30	107	126,220

Sumber : Jabatan Imigresen Sabah

MESYUARAT – MESYUARAT UTAMA YANG DIHADIRI

Bahagian ini juga terlibat dengan beberapa mesyuarat yang berkaitan dengan pengambilan pekerja bukan pemastautin iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Dagang (JKE/JKPD) dan Jawatankuasa Teknikal Pass Visa (JKTPV). Mesyuarat diadakan seminggu sekali atau tertakluk kepada perubahan jadual dari pihak Imigresen. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Imigresen Sabah.

Manakala bagi mesyuarat Working Permit Support Service (WPSC), mesyuarat dipengerusikan oleh Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah dan diadakan setiap sebulan sekali atau tertakluk kepada perubahan jadual.

STATISTIK KELULUSAN PEGAWAI DAGANG / PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN BERDASARKAN MESYUARAT YANG BERKENAAN BAGI TAHUN 2016

PEGAWAI DAGANG	5,689
PLKS – TUKANG MASAK	1,093
PLKS – OFF SHORE	1,143
PLKS – SPA	510



Gambar aktiviti Panel Mesyuarat Jawatan Kuasa Pegawai Dagang/Expatriate, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pass Visa dan Mesyuarat Jawatankuasa Pas Kerja Malaysia.



Mesyuarat Working Permit Support Service (WPSC) Dipengerusikan Oleh Kementerian Pelancongan Kebudayaan Alam Sekitar Sabah.

Lawatan naziran dilakukan keatas premi-premis majikan yang akan menggaji pekerja bukan pemastautin / pekerja asing sebagai satu prosedur pemantauan awal sebelum kelulusan diberi. Ahli naziran terdiri daripada ahli panel kementerian dan agensi kawal selia yang berkaitan. Ahli panel akan membuat ulasan / syor samada permohonan tersebut disokong dan kelulusan akan diputuskan dalam mesyuarat yang berkaitan. Naziran akan dijalankan setiap seminggu iaitu tertakluk kepada perubahan jadual.



Lawatan Naziran Ke Sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK) Bagi Tujuan Permohonan Tenaga Pengajar Dari Indonesia



Lawatan Naziran Ke Syarikat Resin Foam Industries Sdn Bhd Bagi Permohonan Pegawai Dagang Dari Korea.



Antara Aktiviti Lawatan Naziran Bersama Dengan Ahli Panel Naziran Dari Kementerian Dan Agensi Kawalselia Yang Berkaitan.



PELBAGAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

Lawatan Timbalan Pengarah Dan Rombongan Ke Konsulat Jenderal Republik Indonesia Di Tawau Pada 26 Februari 2016 Bagi Membincangkan Mengenai Kes-kes Pampasan Melibatkan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) Yang Tertangguh.



Sidang Ke-21(2) JKK/KK Pembangunan Sosio-ekonomi Malaysia (Indonesia) Peringkat Negeri Sabah / Tingkat Provinsi Kalimantan Utara Kaltara Pada 24hb-27hb Oktober 2016 Dihadiri Oleh Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah.



